

31 DEC 2001

Tahun baru-Perutusan

RAKYAT PERLU KUASAI PELBAGAI ILMU PENGETAHUAN

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan untuk menghadapi cabaran akan datang terutama dalam mempertahankan dan mengembangkan pertumbuhan ekonomi negara, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Rakyat juga perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing supaya Malaysia dapat bersaing dengan negara-negara maju," katanya dalam perutusan Tahun Baru di sini hari ini.

Katanya sepanjang tahun lalu, dunia telah mengalami perubahan yang besar terutama dalam bidang ekonomi.

Dr Ling berkata Peristiwa 11 Sept bukan sahaja mendatangkan kesan buruk terhadap ekonomi Amerika Syarikat malah turut menyebabkan ekonomi dunia mengalami kemeleketan dan Malaysia tidak terkecuali daripada kesan negatif itu.

Katanya walaupun pertumbuhan ekonomi negara lembap tetapi secara keseluruhannya ekonomi negara masih dianggap lebih baik daripada kebanyakan negara lain.

Dr Ling yang juga Presiden MCA berharap anggota MCA sentiasa mengutamakan perpaduan dan kestabilan parti serta menumpukan masa dan tenaga untuk merealisasikan agenda politik parti khususnya dalam bidang pendidikan.

Katanya penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) adalah tanggungjawab bersama semua anggota MCA supaya lebih banyak peluang pendidikan tinggi dapat disediakan kepada generasi muda.

Beliau juga berharap semua pemimpin dan anggota MCA berusaha kuat sebagai satu pasukan bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil kawasan Indera Kayangan yang akan datang.

Sementara itu, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berazam menyiapkan projek Universiti Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (Aimst) pada 2002.

"Inilah satu daripada resolusi Tahun Baru kami," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baru 2002.

Katanya projek itu akan memastikan matlamat masyarakat kaum India untuk mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan yang boleh menyesuaikan diri dengan K-Ekonomi.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata kerajaan sudah menunaikan tanggungjawabnya dalam mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan dan MIC wajar melaksanakan projeknya sendiri bagi memenuhi objektif itu seperti projek Aimst,

Katanya tahun 2001 juga merupakan tahun yang penuh cabaran.

"Insiden Kampung Medan merupakan pengajaran baik untuk menyedarkan kita mengenai pentingnya keharmonian. Kita bersyukur kerana ketegangan kaum dapat diselesaikan dengan cepat hasil usaha pemimpin dan pasukan keselamatan," katanya.

Dalam kejadian itu, dua kumpulan bergaduh menyebabkan enam orang mati dan ramai yang cedera.

Samy Vellu berkata 2002 merupakan tahun yang menjanjikan harapan dan berharap kaum India dapat menyesuaikan diri dan mengambil peluang-peluang yang wujud supaya kedudukan mereka setanding dengan kaum lain.

Sementara itu, naib pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Datuk Lee Lam Thye berkata rakyat negara ini wajar menilai semula nilai-nilai kemasyarakatan berikutan wujudnya pelbagai masalah sosial di

negara ini.

Sepanjang tahun ini berlaku pelbagai isu dan cabaran seperti masalah dadah yang serius, jenayah remaja, penganiayaan kanak-kanak, laku musnah dan membuang sampah di merata-rata tempat serta sikap buruk pemandu ketika berada di jalan raya.

"Masalah sosial yang semakin memuncak ini jelas menunjukkan kemerosotan nilai kemasyarakatan yang jika tidak ditangani, boleh menjejaskan aspirasi negara untuk menjadi negara maju dalam setiap aspek pembangunan manusia," katanya dalam peruntukan Tahun Barunya.

Katanya kemerosotan moral dan nilai-nilai kemanusiaan dalam kebanyakan kes menjurus kepada pelbagai termasuk perlakuan jenayah.

Lee berkata golongan muda terus melakukan jenayah dan masyarakat perlu mengkaji punca tindakan itu serta mencari jawapan tepat untuk membanterasnya.

Sementara itu, presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam perutusannya menggesa rakyat mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku sepanjang dua tahun lepas.

"Ketika kita melangkah ke tahun 2002, Malaysia sewajarnya bersedia mengharungi arus perubahan dalam komuniti global tanpa mengira tanpa mengira besar atau berkuasanya kita," katanya.

Katanya Malaysia tidak lagi boleh bergantung kepada tenaga pekerja mahir dan sumber asli yang banyak yang sebelum ini merupakan senjata keutuhan ekonominya, untuk bersaing dalam mendapatkan pelaburan asing.

Sebaliknya negara perlu memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan untuk pertumbuhan ekonomi berkekalan, katanya.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama menekankan mengenai pentingnya persefahaman dan toleransi di kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini.

Katanya kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan tahap pendidikan di negara ini supaya selaras dengan negara maju.

"Bagaimanapun semua kita tahu bahawa pendidikan sahaja tidak berguna jika tidak ada kestabilan politik, keharmonian kaum dan toleransi beragama," katanya.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula meminta semua pihak memperkukuhkan perpaduan dan sentiasa berwaspada dengan agenda negara barat untuk menggugat keharmonian negara ini.

Beliau berharap pemerintahan di negara ini tidak akan mengikut jejak Amerika Syarikat yang mengambil pendekatan kekerasan bagi menyelesaikan sesuatu isu walaupun tanpa bukti kukuh.

Pada tahun depan juga semua pihak perlu menghindarkan diri daripada gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang banyak membawa keburukan, katanya.

Mursyidur Am PAS itu turut meminta maaf kepada penduduk di beberapa kawasan di negeri ini yang dilanda banjir baru-baru ini kerana tidak dapat melawat mereka disebabkan faktor kesihatan dirinya.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad juga meminta rakyat supaya bersyukur kerana sepanjang tahun 2001 keadaan hidup rakyat cukup selesa di dalam negara yang aman damai.

Beliau berkata isu-isu yang berlaku sepanjang tahun 2001 perlu diambil perhatian dan direnung secara mendalam serta mengambil iktibar daripadanya.

"Apa yang berlaku inilah yang perlu dilihat dan kita mesti terus bersatu-padu menyokong penuh kepimpinan negara dan kerajaan supaya negara terus maju, aman dan damai," katanya kepada Bernama dan RTM sempena tahun baru 2002.

Beliau juga mengajak rakyat negeri ini supaya berdiri teguh dan membantu kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengekalkan kemakmuran dan terus meningkatkan pencapaian ekonomi

negara.

Beliau turut menyarankan Perdana Menteri supaya meneruskan projek rangsangan ekonomi yang telah banyak membawa manfaat kepada rakyat.

-- BERNAMA

AS APG LAT